

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN [KEPALA BATAS]**

SOALAN NO. 376

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai hospital-hospital yang bakal dimasukkan di dalam REIT seperti yang diumumkan sebelum ini. Apakah pendapatan daripada pelaksanaan REIT ini berjumlah RM3 bilion setiap tahun; atau *one-off*.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, cadangan untuk mempertimbangkan penggunaan Amanah Pelaburan Haratanah (REIT) sebagai sumber kewangan bagi membiayai projek pembinaan fasiliti kesihatan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dibincangkan secara terperinci di peringkat KKM dan juga telah dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Setelah mengambil kira pandangan semua pihak yang berkepentingan, KKM telah memutuskan untuk menggugurkan cadangan untuk mewujudkan REIT Kesihatan dan akan mencari alternatif sumber kewangan yang lain bagi membiayai pembinaan fasiliti-fasiliti Kesihatan yang diperlukan oleh KKM.

Oleh yang demikian, tidak wujud isu KKM tidak mempunyai kuasa penuh terhadap pemilikan mana-mana hospital Kerajaan memandangkan REIT Kesihatan tidak akan dilaksanakan, yang mana, tanah-tanah yang menempatkan fasiliti Kesihatan KKM tidak akan digunakan sebagai cagaran (*collateral*) bagi penubuhan REIT tersebut.

Sekian, terima kasih.